

Pemilihan PKR: Timbalan cabang, media diserang
Malaysiakini.com
October 3, 2010

Dua beranak dan seorang jurukamera akhbar *Kosmo* diserang sekumpulan lelaki yang tidak dikenali semasa proses pengiraan undi pemilihan PKR Cabang Sabak Bernam diadakan di Sabak Bernam malam tadi.

Dalam insiden bermula 8.15 malam tadi, sekumpulan lelaki dikatakan menyerang calon Timbalan Ketua Cabang Sabak Bernam, Abu Talib Bujang yang berada di dalam Dewan Tun Razak, tetapi beliau dapat mengelak serangan itu.

Bagaimanapun anaknya Mohd Fadli, 24, yang ingin menyelamatkannya telah dihentak dengan kerusi di kepala, menurut isteri Abu Talib, Siti Zubaidah Husni yang turut menyaksikan kejadian itu.

Mohd Fadli dan Abu Talib dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam dengan ambulans, kata Siti Zubaidah yang juga Setiausaha Wanita Keadilan Cabang Sabak Bernam.

Jurukamera berkenaan, Mohd Shahrani Saibi, 28, berkata beliau dikejar oleh lima orang yang tidak dikenali dan seorang daripada mereka cuba merampas kameranya menyebabkan lampu kameranya pecah.

Mohd Shahrani kemudiannya melaporkan kejadian itu kepada polis.

Tinjauan mendapati kerusi di dalam dewan berkenaan berada dalam keadaan tunggang langgang sementara tiga anggota polis dilihat mengawal dewan berkenaan.

Kekecohan dan pergaduhan turut berlaku semasa pemilihan Cabang PKR Kelana Jaya malam tadi di Dewan Majlis Perbandaran Subang Jaya di Seksyen 15.

Difahamkan laporan polis telah pun dibuat berhubung kejadian tersebut.

--Bernama